

Jenis Akhbar : Bernama Online
Tarikh : 23/02/2018
Edisi / Muka Surat : www.bernama.com

Angkasa Buka Lima Pusat Dialisis Tahun Ini

Tarikh kemaskini: 23/02/2018

SHAH ALAM, 23 Feb (Bernama) -- Dalam usaha membantu menambah baik perkhidmatan rawatan pesakit buah pinggang yang meningkat setiap tahun, Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Bhd (Angkasa) akan membuka lima lagi pusat dialisis dikendalikan sepenuhnya oleh Angkasa pada tahun ini.

Presiden Angkasa Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata lima lokasi itu dikenal pasti masing-masing di Sabah, Terengganu, Perlis, Pulau Pinang dan Melaka.

"Kita bercadang buka lima lagi pusat dialisis dengan kos kira-kira RM5 juta di mana sumber kewangan kita gunakan modal dalaman Angkasa sendiri. Setiap pusat dialisis dilengkapi sekurang-kurangnya enam buah mesin dialisis dan boleh menempatkan kira-kira 24 pesakit sehari," katanya.

Beliau memberitahu sidang media selepas majlis menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) antara ASEAN Co-operative Organisation (ACO) dengan syarikat pengeluar penapis buah pinggang, Scientillence Sdn Bhd (Scientillence) di sini, hari ini.

MoU antara ACO dan Scientillence, yang bertujuan mengurangkan permasalahan berkaitan isu buah pinggang, dimeterai oleh Abdul Fattah, yang juga Presiden ACO, dan Pengerusi Scientillence, Tan Sri Lim Tong Yong.

Abdul Fattah berkata ini seiring dengan hasrat Angkasa untuk memenuhi sasaran sekurang-kurangnya sebuah pusat dialisis kendalian koperasi itu di setiap negeri menjelang 2020.

Pada masa ini Angkasa mengendalikan sepenuhnya dua pusat dialisis di Temerloh, Pahang dan Alor Setar, Kedah.

Mengulas lanjut, Abdul Fattah berkata menerusi MoU itu, Scientillence akan membekalkan penapis buah pinggang berteknologi Jerman 'dialyzer' dengan kos terendah di 20 pusat dialisis kendalian koperasi di negara ini, yang kini menawarkan perkhidmatan dialisis kepada kira-kira 600 pesakit.

Beliau berkata penggunaan penapis buah pinggang keluaran tempatan itu bagi menggantikan penggunaan penapis buah pinggang diimport dari negara seperti China dan Jepun, yang menelan kos tinggi.

Peningkatan jumlah pesakit buah pinggang setiap tahun ditambah dengan kos rawatan yang tinggi disebabkan penggunaan penapis buah pinggang import ketika ini memaksa pesakit dan pusat-pusat dialisis mengitar semula penggunaannya yang boleh memberi kesan sampingan kepada pesakit, katanya.

ACO, katanya, melihat Angkasa, melalui sektor pelancongan, penjagaan diri dan kesihatan serta MyAngkasa Dialisis Sdn Bhd, komited untuk beri perkhidmatan dialisis dengan membekalkan barangan keperluan dengan harga lebih murah, sekaligus dapat memberi faedah dan kebajikan kepada anggota koperasi serta masyarakat.

Selain itu, Abdul Fattah berkata menerusi MoU itu juga, ACO dan Scientillence yang merupakan syarikat di bawah Koperasi Usahawan Warisan Niaga Selangor Bhd (Kowaris), akan bekerjasama memasarkan produk penapis buah pinggang (dialyzer) berkenaan ke negara-negara ASEAN.

Scientillence merupakan satu-satunya pengeluar tempatan penapis buah pinggang berteknologi Jerman di Asia Tenggara dan turut mengeksport produk berkenaan ke Jepun serta China.

ACO pula dianggotai oleh koperasi induk dari negara-negara ASEAN yang ditubuhkan bagi menerajui dan meningkatkan perhubungan strategik dalam kalangan gerakan koperasi negara-negara ASEAN selain melaksanakan pelbagai aktiviti yang boleh dimanfaatkan oleh semua pihak secara amnya dan koperasi khususnya.

-- *BERNAMA*